

MARDI jalin kerjasama perkasa ekosistem hijau kampus UPSI

Tanjong Malim, 13 Februari - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melaksanakan projek penanaman anak pokok buah-buahan di kampus universiti itu, sebagai sebahagian daripada Program Khidmat Bakti Masyarakat (CSR) bersempena Program Transformasi Minda (PTM) MARDI 2025.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, program yang berlangsung di UPSI Adventure Park, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI adalah inisiatif yang bukan sahaja menyokong kelestarian alam sekitar, malah memberi manfaat kepada pelajar, khususnya dalam bidang pertanian dan hortikultur. "Kerjasama strategik ini memberi nilai tambah kepada pengalaman pembelajaran pelajar UPSI dengan memberi pendedahan praktikal mengenai teknik penanaman serta kepentingan pemeliharaan ekosistem hijau," katanya, usaha itu dapat membantu universiti dalam memperkukuhkan elemen pembelajaran berasaskan pengalaman dan amalan hijau di kampus. "UPSI amat mengalu-alukan kerjasama seperti ini kerana ia bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar tetapi juga kepada keseluruhan ekosistem kampus," katanya. "Dengan adanya penanaman pokok ini, kita dapat mewujudkan persekitaran yang lebih hijau, nyaman dan lestari untuk komuniti universiti. Beliau berharap agar inisiatif ini dapat diteruskan dan diperluaskan pada masa hadapan, termasuk dengan penambahan jenis tanaman yang lebih pelbagai dan program pemantauan berterusan.

"Kami berhasrat untuk memperkukuhkan lagi program seperti ini agar dapat memberi manfaat jangka panjang kepada pelajar serta komuniti setempat. "Kerjasama dengan agensi penyelidikan seperti MARDI

amat penting dalam memastikan program ini berjalan dengan lebih berkesan," katanya lagi. Sebanyak 35 anak pokok buah-buahan daripada pelbagai varieti disumbangkan oleh MARDI untuk ditanam di sekitar kawasan kampus, dalam usaha mempertingkatkan kehijauan persekitaran serta menyokong inisiatif pembangunan lestari.

Sementara itu, Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani, berkata MARDI bakal merangka satu Memorandum Persefahaman (MoU) pada masa hadapan, bagi mengukuhkan penyelidikan hasil tanah dan tanaman di UPSI, khususnya di daerah Muallim. "Kerjasama ini akan disepadukan bagi merencanakan dan memperluaskan lagi ekosistem yang terdapat di UPSI, selain memberi manfaat kepada pelajar dan penyelidik dalam bidang pertanian. Beliau turut mengumumkan bahawa pihak MARDI akan menyumbangkan lebih banyak benih dan pokok buah-buahan tempatan, khususnya durian daripada pelbagai varieti, untuk ditanam di kawasan kampus UPSI.

"Kami mahu memastikan kelangsungan penyelidikan serta amalan pertanian yang lebih mampan di UPSI dan dengan adanya tanaman seperti durian dan buah-buahan tempatan lain, ia akan memberi nilai tambah kepada kampus serta menjadi sebahagian daripada ekosistem penyelidikan pertanian yang lebih meluas.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



WEZAS Agih Zakat 2.5 Juta Bantu Pelajar dan Kakitangan UPSI

Tanjong Malim, 13 Februari - Tahun 2024 telah melabuhkan tirainya dengan catatan agihan zakat yang telah disempurnakan oleh Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (WEZAS UPSI) sebanyak RM2,492,200.56 kepada 4,505 penerima dalam kalangan pelajar dan kakitangan.

Agihan ini melibatkan 14 skim bantuan yang bertujuan untuk membantu mereka yang memerlukan, terutamanya dalam aspek sara hidup, pembayaran yuran

pengajian, perubatan, serta keperluan pendidikan lain. Bantuan terbesar diberikan melalui Skim Bantuan Sara Hidup, di mana sebanyak RM1,874,030.50 telah diagihkan kepada 3,960 penerima yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan.

Bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan mereka dalam menampung keperluan harian. Selain itu, Skim Bantuan Dermasiswa turut memberikan sumbangan yang besar, iaitu sebanyak RM238,373.20 kepada

108 pelajar bagi menyokong keperluan pendidikan mereka.

Dari segi pembayaran yuran, Skim Bantuan Yuran telah membantu 15 pelajar dengan jumlah sebanyak RM12,865.50, manakala Skim Bantuan Yuran Pasca Siswazah pula sebanyak RM3,352.60 telah disalurkan kepada 2 pelajar. Untuk pelajar baharu, Skim Bantuan Pendaftaran Semester 1 telah mencatatkan sebanyak RM193,500.00 kepada 93 pelajar bagi menampung kos pendaftaran awal pengajian mereka.

Program Dapur Kasih Bitara Siri 4 Tahun 2025

Tanjong Malim, 12 Februari - Kira-kira 900 pelajar UPSI menikmati juadah secara hidangan dalam dulang(talam) di Masjid Al- Mursyidin, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI. Pengalaman makan di dalam dulang ini adalah satu pengalaman yang dinanti-nantikan oleh pelajar kerana makan bersama-sama rakan dalam satu dulang mampu memberi pengalaman baharu dan meningkatkan kemesraan serta ukhuwah sesama peserta program. Penyediaan makanan secara gotong-royong yang bermula seawal jam 7.30 ini siap awal daripada jangkaan berkat kerjasama

semua sukarelawan membolehkan jamuan dimulakan jam 11.30 pagi.

Timbalan Pendaftar Kanan, BHEP Puan Hajjah Maskana Haji Ahmad hadir dan bersama-sama sukarelawan dalam menyediakan perincian bahan mentah masakan seperti memotong bawang, sayur-sayuran, membersihkan ayam dan memasak.

Walaupun pelajar yang berada di kampus berkurangan namun kemeriahan jamuan dapat dilihat melalui penyertaan dan kehadiran penuh kira-kira 900 orang di ruang jamuan.

Peserta juga terdiri daripada pelajar dan kakitangan pelbagai agama dan bangsa termasuklah pensyarah antarabangsa dari negara Mesir yang bertugas di FBK. Dapur Kasih Bitara Siri-4 ini adalah anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta sukarelawan pelajar. Program kali ini berfokus kepada pelajar program Diploma dan pelajar program Ijazah Sarjana Muda yang sedang menjalani minggu peperiksaan Semester 1 Sesi 2024/2025.



Dr. Adibah Abu Bakar Ungguli Pengesanan Ikan Pendatang Berasas eDNA (PBQUEST2)

Spesies ikan pendatang di Malaysia kebanyakannya dari Sungai Amazon, diperkenalkan sejak abad ke-19 sebagai ikan hiasan kerana bentuk dan warna uniknya. Namun, kos penjagaan yang tinggi menyebabkan banyak ikan ini dilepaskan ke sungai dan tasik, mengancam spesies tempatan seperti tengas dan tengalan. Antara spesies invasif ini ialah Arapaima gigas, Oreochromis mossambicus, Pygocentrus nattereri, Clarias gariepinus, Belone belone, dan Cichla ocellaris yang mudah beradaptasi dan menjadi pemangsa agresif.

Pemantauan konvensional menggunakan perangkap ikan kurang berkesan kerana ikan pendatang sukar dijejaki. Oleh itu, penyelidik dari UPSI, UNISEL dan UMT membangunkan

PBQUEST2, teknologi pengesanan pantas berasaskan eDNA yang mengesan DNA ikan dalam sampel air tanpa perlu menangkapnya. Projek ini menerima dana RM136,800 dari KPT dan dijalankan di makmal Genomic UPSI.

Pada awalnya, pandemik COVID-19 menyukarkan pengumpulan sampel di Tasik Raban, Perak tetapi masyarakat tempatan membantu. Sebelum ini, hanya satu spesies Cichla dikenal pasti oleh nelayan tetapi ujian makmal membuktikan kehadiran dua spesies: C. ocellaris dan Cichla kelberi. PBQUEST2 mengambil masa dua tahun untuk dibangunkan bagi memastikan ketepatan dan mengelakkan kontaminasi.

Teknologi ini diuji di Tasik Raban dan berjaya mengesan ikan pendatang dengan

tepat, membantu pihak berwajib dalam pemantauan dan konservasi spesies asli. PBQUEST2 meraih pingat emas dalam ITEX 2021 dan mendapat pengiktirafan antarabangsa termasuk dalam Sakura Exchange Program di Jepun.

Kini, penyelidik sedang mengembangkan eDNA untuk menjejaki ikan terancam seperti arowana. Projek ini diketuai Dr. Adibah Abu Bakar (UPSI) dan dibantu rakan-rakan penyelidik Dr. Syazwan Saidin (UPSI), Prof. Siti Azizah Mohd Nor (UMT), Dr. Intan Faraha A. Ghani (UNISEL), PM Dr. Amirudin Ahmad (UMT), Nurul Fizatul Nabilah Osman (UPSI) dan Ramizah Abdull Rahman (UPSI). Kejayaan PBQUEST2 di harap dapat menyumbang kepada usaha pemuliharaan biodiversiti negara.

